

24 JULAI 2017

Lalok sampai tak sedar kena serbu

Lalok sampai tak sedar kena serbu

AMPANG JAYA - Leka berhibur sampai 'lalok' sehinggakan tidak menyedari kehadiran pihak berkuasa.

Itu keadaan yang berlaku di sebuah pusat hiburan karaoke di Ampang Jaya dalam serbuan Jabatan Imigresen Selangor dan Pejabat Agama Daerah Hulu Langat bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), kira-kira jam 11.30 malam kelmarin.

Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Kanan, Ramli Othman berkata, serbuan bertindak hasil aduan orang awam.

Menurutnya, serbuan dapati premis hiburan terbabit dipenuhi warga asing dengan minuman keras selain disyaki mereka terlibat dengan pengambilan dadah dan pil khayal.

"Operasi yang tamat awal pagi itu telah menahan seramai 23 warga asing berusia lingkungan 23 hingga 37 tahun membabitkan sembilan lelaki dan 14 wanita," katanya.

Katanya, ketika serbuan kebanyakan pelanggan leka berhibur sehingga tidak menyedari kehadiran anggota penguat kuasa.



Antara warga asing yang ditahan dalam operasi di sebuah pusat hiburan.

Menurutnya, jumlah tangkapan di luar jangkaan berikutan kebanyakan pelanggan bercuti pada hari hujung minggu.

Mengulas lanjut, semasa pemeriksaan ada warga asing yang berani dengan sengaja meninggalkan dokumen peribadi di rumah kerana bimbang hilang. Malah, ada juga yang berpura-pura cuba mencari helah mengatakan

dokumen tertinggal dalam beg di bilik lain, namun diperiksa ianya tiada.

"Serbuan ini adalah satu kejayaan anggota penguat kuasa dan sebagai satu isyarat kepada warga asing yang melakukan kesalahan imigresen sejak program E- kad ditamatkan pada 30 Jun lalu. Operasi akan terus dijalankan dari semasa ke semasa," tegasnya.